

188
SOALAN NO: 69

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]

**SOALAN : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai
Besar] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

apakah pelan jangka masa panjang pihak Kementerian bagi mengatasi masalah penyakit hawar daun bakterian (BLB) yang banyak menyerang sawah padi yang menyebabkan kerugian kepada pesawah berbanding bantuan kewangan secara one-off yang dilaksanakan ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara pelan jangka masa panjang Kerajaan bagi mengatasi masalah serangan penyakit hawar daun bakteria (BLB) kepada tanaman padi adalah:

- i. memperkemas aktiviti pengembangan dengan memberi latihan dan pendidikan kepada pesawah berkaitan program kesedaran terhadap kebersihan, penyelenggaran ladang, kawalan rumpai, pencegahan awal menggunakan racun rumpai berasaskan kuprum *cuprum based* dan pertanian tepat di lapangan;
- ii. mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) secara konsisten; dan
- iii. membuat R&D bagi mengeluarkan varieti baru yang lebih rintang kepada virus BLB.

190

SOALAN (70)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG - DAP]**

SOALAN :-

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI menyatakan bilangan masyarakat India B40 yang membeli saham dalam Amanah Saham 1 Malaysia (AS1M) dalam dua bulan yang lalu.**

(9)

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) telah dilancarkan pada 2009 bagi mendapatkan peluang pelaburan yang menjana pendapatan konsisten dan berterusan selain mengekalkan modal pelaburan pemegang unit dalam tempoh jangka panjang melalui portfolio pelaburan yang dipelbagaikan.

YAB Perdana Menteri telah mengumakan di dalam Bajet 2018 tambahan unit AS1M sebanyak 1.5 bilion untuk diagihkan kepada masyarakat India, terhad kepada 30,000 unit setiap pelabur, telah dibuka untuk langganan bermula 29 Januari 2018. Inisiatif ini adalah untuk menggalakkan masyarakat India melabur dalam dana unit amanah saham ini sehingga had maksimum 30,000 unit setiap pelabur (termasuk unit dilanggan sebelum ini sekiranya ada).

Langganan Amanah Saham 1 Malaysia Masyarakat India setakat 25 Februari 2018 adalah berjumlah 48,190 urus niaga. Jumlah pelaburan yang telah dicatatkan sehingga kini adalah RM 365.14 juta unit dengan purata pelaburan bagi setiap urusniaga adalah pada kadar RM 7,577.19.

Untuk fasa kedua, bagi memastikan pengagihan yang adil dan bertanggungjawab dalam penyertaan ekuiti masyarakat India, terutamanya di kalangan keluarga B40, kerajaan memperuntukkan pembiayaan khas RM500 juta untuk pelaburan dalam AS1M bagi tempoh lima tahun. Isi rumah B40 masyarakat India yang layak akan diberi pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000 bagi setiap isi rumah yang akan dilaburkan di AS1M. Ia dijangka akan menambah simpanan 100,000 isi rumah dari golongan B40 masyarakat India khususnya yang berada di bawah garis kemiskinan. Pelan AS1M yang khususnya ditujukan kepada golongan B40 akan dilancarkan dan diagihkan kepada 20,000 isi rumah bagi tahun 2018 dalam masa yang terdekat oleh YAB Perdana Menteri

Sekian, terima kasih.